

SKEMA JAWAPAN PEPERIKSAN PERCUBAAN (BAHASA MELAYU TINGKATAN 3)

BAHAGIAN A : Sistem Bahasa

Soalan 1: Kesalahan Tatabahasa (8 markah)

- i. dari - daripada
- ii. disusun oleh kamu - kamu susun
- iii. makanan - santapan
- iv. semasa ke masa - semasa ke semasa / masa ke masa

** Garis betul dan jawapan betul =2 markah **

Garis betul dan jawapan salah = 1 markah

Garis salah dan jawapan betul = 0 markah

Garis salah dan jawapan salah = 0 markah

Soalan 2: Kesalahan ejaan (3 markah)

- i. tanahair - tanah air
- ii. pra-syarat - prasyarat
- iii. kreteria - kriteria

Soalan 3: Gabungkan ayat-ayat tunggal supaya menjadi satu ayat majmuk. (10 markah)

- i) Mahesh terpijak kulit pisang **lalu** tersungkur ke lantai
- ii) Semua murid bersetuju dengan cadangan itu **kecuali** Suhaili.
- iii) Kamu hendak mengikut kami **atau** tinggal di sini?
- iv) Orang tua itu cacat penglihatan **tetapi** pandai bermain beberapa alat muzik.
- v) Beg galas ini sesuai untuk lelaki **dan** perempuan.

** setiap soalan 2 markah**

Soalan 4: Peribahasa (4 markah)

Markah	Kriteria
2 markah	- Peribahasa yang tepat berdasarkan gambar
0 markah	- Peribahasa yang tepat berdasarkan gambar - Penggunaan kata yang menjejaskan maksud peribahasa - Peribahasa yang tidak lengkap

- i. Rambut sama hitam, hati lain-lain
Bagai anjing dengan kucing
- ii. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri
Ikan pulang ke lubang
Belut pulang ke lumpur

BAHAGIAN B: Pemahaman

Soalan 5: Pemahaman Cerpen (10 markah)

Markah	kriteria
3 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

i. Berdasarkan petikan prosa di atas, mengapakah si miskin tidak berani ke rumah orang untuk meminta makanan?

- tahu bahawa dia tidak akan diberi nasi
- dia pasti tidak akan dibenarkan untuk menghampiri rumah mereka.

**** 2 isi diperlukan dalam jawapan**** [3Markah]

ii. Berikan dua persoalan yang terdapat dalam petikan di atas.

- Sikap memandang hina terhadap orang miskin
Contohnya, penduduk kampung bertindak kejam terhadap Si Miskin dan isterinya..
- Kasih sayang seorang suami terhadap isteri
Contohnya, Si Miskin membantu isterinya membersihkan dirinya yang berlumuran darah.

**** 2 isi diperlukan dalam jawapan ini**** [3 Markah]

Markah	Kriteria
4 Markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 Markah	- Isi cukup dan relevan tetapi ayat kurang gramatis
2 Markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan dan ayat gramatis
1 Markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan dan ayat kurang gramatis
0 Markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

iii. Sifat belas kasihan sudah semakin terhakis dalam kalangan masyarakat dewasa ini. Pada pendapat anda, mengapakah perkara tersebut berlaku?

- Masyarakat semakin menjauhi ajaran agama
- Masyarakat semakin bersikap individualistik iaitu mementingkan diri sendiri
- Budaya hidup yang mementingkan materialistik semakin menebal dalam masyarakat.

**** 2 isi diperlukan dalam jawapan****

**** Terima mana-mana jawapan lain yang relevan**** [4M]

Soalan 6: Pemahaman Puisi (10 markah)

Markah	Kriteria
3 markah	- Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis
2 markah	- Isi cukup tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup tetapi ayat gramatis
1 markah	- Isi tidak cukup dan ayat kurang gramatis
0 markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis

- i. Berdasarkan rangkap ketiga sajak, semasa mengembara, manusia akan menemui
- Kata-kata yang berselerakan
 - Langit/bumi/laut/gunung/awan/hujan/pohon

** 2 isi diperlukan dalam jawapan** [3 markah]

ii. **Gaya bahasa**

- i) gaya bahasa unsur alam – contoh pulau, pantai, langit, bumi, laut, gunung, awan, pohon,
- ii) gaya bahasa kata ganda – contoh kitab-kitab, kata-kata, pulau-pulau.
- iii) gaya bahasa anafora (pengulangan perkataan pada awal baris)

contoh : **dari** tempat ke tempat

dari zaman ke zaman

- iv) gaya bahasa repitisi - contoh : dari **zaman** ke **zaman**

- v) istilah bahasa arab - contoh : iman/ Al-Quran

[3Markah]

** 2 isi dan contoh diperlukan dalam jawapan**

Markah	Kriteria
4 Markah	- Isi cukup dan relevan mengikut tugas serta ayat gramatis
3 Markah	- Isi cukup dan relevan tetapi ayat kurang gramatis
2 Markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan dan ayat gramatis
1 Markah	- Isi tidak cukup tetapi relevan dan ayat kurang gramatis
0 Markah	- Isi tidak tepat tetapi ayat gramatis - Isi tidak tepat dan ayat tidak gramatis.

pengetahuan amat penting kepada manusia kerana ;

- Panduan kepada manusia agar tidak sesat/tersasar
- Tidak mudah diperdaya /ditipu oleh orang lain
- Manusia oleh memahami kejadian alam
- Orang berilmu akan dihormati oleh masyarakat

** 2 isi dan contoh diperlukan dalam jawapan** [4 markah]

TERIMA MANA-MANA YANG RELEVAN

Soalan 7: Novel (Pelari Muda)

Pembahagian markah

PERINCIAN	MARKAH
Isi	6 Markah
Bahasa	4 Markah

Kriteria Markah Bahasa

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	4 markah	<ul style="list-style-type: none">- Bahasa baik dan lancar- Ayat gramatis- Ejaan dan tanda baca betul
BAIK	2-3 markah	<ul style="list-style-type: none">- Penggunaan ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum- Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum
MEMUASKAN	1 markah	<ul style="list-style-type: none">- Bahasa tidak cekap- Ayat tidak gramatis- Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara

Markah Isi

1. Maksimum : 3 isi
2. Bukti yang relevan dan contoh yang sesuai : 3 isi

Novel Pelari Muda

Tiga pengajaran berserta dengan contoh.

1. Kita hendaklah melahirkan rasa syukur jika memperoleh sesuatu kejayaan atau anugerah. Contohnya Kamarul melahirkan rasa syukur kepada Allah SWT apabila memperoleh pingat emas dan memecah rekod baharu dalam acara 100 meter di Sukan SEA.
2. Kita perlu mempunyai semangat patriotisme terhadap negara .contohnya Kamarul menganggap kemenangannya memperoleh pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter di Sukan SEA bukan sahaja untuk dirinya tetapi untuk negara.
3. Kita sewajarnya mempunyai perasaan kasih sayang antara ahli keluarga. contohnya Mak Jah mengambil berat kesihatan dan keselamatan anaknya Kamarul yang dibuktikan dengan menjaga anaknya di hospital selamat empat hari gara-gara dilanggar kenderaan.
4. Kita sepatutnya menghargai jasa orang lain terhadap diri kita .Contohnya Kamarul memberi cenderamata kepada atlet Filipina, De Wega yang banyak memberi nasihat dan dorongan sehari sebelum pertandingan dijalankan sehinggakan dia meraih pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter.
5. Kita seharusnya mempunyai keberanian menghadapi cabaran. Contohnya Kamarul berani menghadapi cabaran walaupun pada peringkat awal dia tidak yakin dapat menggondol pingat emas dalam acara 100 meter dan 400 meter kerana menyedari tahap kecergasannya yang belum pulih. Namun sebagai jurulatih, Encik Kadir tetap yakin Kamarul mampu menggondol pingat tersebut dan akhirnya keyakinan Encik Kadir menjadi kenyataan.

*** maksimum 3 isi dan 3 bukti (contoh) ***

*** terima jawapan-jawapan lain yang relevan)***

BAHAGIAN C : ULASAN

Soalan 8

Perkara yang perlu diberi perhatian semasa membaca jawapan calon:

- Pemeriksa perlu memberikan penekanan pada idea yang ditulis oleh calon.
- Bahasa dinilai secara tanggapan (impression) berdasarkan kriteria.
- Pemeriksa diminta menandakan kesalahan bahasa seperti penandaan jawapan karangan.
- Peringkatkan markah calon berdasarkan kriteria di bawah:

KRITERIA PENSKORAN		
PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	13-15	Idea Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan Ulasan idea yang jelas dan matang Bahasa Ayat gramatis Kosa kata luas dan tepat Ejaan dan tanda baca betul Penanda wacana yang betul Kesalahan bahasa yang minimum
BAIK	09-12	Idea Isi tersurat dan tersirat yang relevan dengan bahan Ulasan idea yang jelas Bahasa Ayat masih gramatis Kosa kata luas Ejaan dan tanda baca masih betul Penanda wacana yang masih betul Kesalahan bahasa yang masih minimum
KURANG MEMUASKAN	05-08	Idea Isi tersurat atau tersirat yang relevan dengan bahan Ulasan idea yang kurang jelas Bahasa Ayat kurang gramatis Kosa kata terhad Kesalahan bahasa yang ketara
PENGUASAAN MINIMUM	01-04	Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap.

Cara penandaan dan pemberian markah ulasan:

1. Periksa dikehendaki menandakan (/) apabila terjumpa isi
2. Baca dan periksa setakat 100 patah perkataan sahaja atau sehingga ayat itu berakhir.
3. Buat satu garisan panjang selepas 100 patah perkataan atau sehingga ayat itu berakhir.
4. Jika calon menjawab dalam perenggan, periksa seperti biasa.

BAHAGIAN D : KARANGAN

Soalan 9

PERINGKAT	MARKAH
Cemerlang	26-30
Kepujian	20-25
Baik	15-19
Kurang Memuaskan	10-14
Penguasaan Minimum	01-09

Kriteria Menilai Kemahiran Menulis

KRITERIA	DESKRIPSI
BAHASA	-Kegramatisan : kata (Morfologi) : Ayat (Sintaksis) -Ejaan dan tanda baca -Kosa kata
IDEA	-Isi-isi -Huraian isi -Contoh
PENGOLAHAN	-Pengolahan -Pemerenggan -Format -Unsur keindahan Bahasa / ungkapan menarik

KRITERIA PENSKORAN		
PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG	26-30	<p><u>Idea</u> -Idea relevan dengan tugas -Huraian idea jelas, menarik dan matang -Contoh yang sesuai</p> <p><u>Bahasa</u> -Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis -Penggunaan kosa kata luas dan tepat -Ejaan dan tanda baca betul -Kesalahan bahasa yang minimum</p> <p><u>Pengolahan</u> -Pengolahan menarik, berkesan dan matang dengan pemerenggan yang sesuai. -Format menepati kehendak tugas -Penggunaan penanda wacana tepat -Penggunaan ungkapan menarik tepat dan berkesan seperti peribahasa/ pantun/ cogan kata/ frasa yang menarik</p>
KEPUJIAN	20-25	<p><u>Idea</u> -Idea relevan dengan tugas -Huraian idea jelas dan menarik -Contoh yang sesuai</p> <p><u>Bahasa</u> -Penggunaan ayat bervariasi dan gramatis -Penggunaan kosa kata luas -Ejaan dan tanda baca masih betul -Kesalahan bahasa minimum</p> <p><u>Pengolahan</u> -Pengolahan menarik, berkesan dan dengan pemerenggan yang sesuai. -Format menepati kehendak tugas -Penggunaan penanda wacana sesuai -Penggunaan ungkapan menarik dan berkesan seperti peribahasa/ pantun/ cogan kata/ frasa yang menarik</p>
BAIK	15-19	<p><u>Idea</u> -Idea relevan dengan tugas -Huraian idea masih jelas dan masih menarik -Contoh yang sesuai</p> <p><u>Bahasa</u> -Penggunaan ayat masih bervariasi dan masih gramatis -Penggunaan kosa kata masih luas -Ejaan dan tanda baca masih betul</p>

		<p>-Kesalahan bahasa yang masih minimum</p> <p><u>Pengolahan</u> -Pengolahan menarik, dan masih berkesan dengan pemerenggan yang sesuai. -Format menepati kehendak tugas -Penggunaan penanda wacana masih sesuai.</p>
KURANG MEMUASKAN	10-14	<p><u>Idea</u> -Idea kurang relevan dengan tugas -Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik -Tiada contoh atau contoh kurang sesuai</p> <p><u>Bahasa</u> -Penggunaan ayat kurang bervariasi dan kurang gramatis -Penggunaan kosa kata terhad -Kesalahan bahasa ketara</p> <p><u>Pengolahan</u> -Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan dan pemerenggan yang sesuai. -Format kurang menepati kehendak tugas -Penggunaan penanda wacana kurang sesuai.</p>
PENGUASAAN MINIMUM	01-09	<p>-Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah -Tidak menjawab tugas atau karangan tidak menepati kehendak soalan / terpesong.</p>

Langkah-langkah memeriksa

1. Periksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan ialah menjawab tugas, bahasa, kerelevanan idea dan pengolahan. Kemudian, nilaikan dan tetapkan mengikut karangan berkenaan berdasarkan kriteria penskoran yang disediakan.
2. Baca karangan itu sekali lagi dengan teliti untuk membuat pertimbangan yang muktamad. Ketika membaca, tandakan kesalahan-kesalahan bahasa, tanda baca, ejaan dan isi/ fakta seperti berikut:

_____	Kesalahan Bahasa, perkataan dan frasa
/	Kesalahan ejaan
//	Kesalahan ejaan yang berulang
O	Kesalahan tanda baca
[]	Kesalahan isi / fakta

3. Pemotongan markah untuk ejaan yang salah:

- a. ½ markah dipotong bagi ejaan yang salah.
- b. Pemotong keseluruhan tidak lebih daripada 2 markah
- c. Kesalahan ejaan yang berulang tidak diambil kira
- d. Ejaan hendaklah mengikut sistem ejaan Rumi Baharu Bahasa Melayu

*****PANDUAN PENSKORAN TAMAT*****